

NO. SOALAN: 296

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]

RUJUKAN : 8735

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah dan peratus anggota polis yang diaturgerak di setiap IPD dalam peranan:-

(a) rondaan pencegahan jenayah rutin dan pegawai siasatan jenayah; dan

(b) jumlah informer yang didaftar dan pengurusan.

JAWAPAN

Bagi menjawab soalan (a), Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan PDRM sentiasa komited bagi menentukan kadar perlakuan jenayah dalam negara dapat dikawal dan dikurangkan setiap tahun dengan melaksanakan pelbagai program pencegahan jenayah. Dibawah inisiatif *National Key Result Area (NKRA)* Mengurangkan Jenayah Kementerian telah meletakkan sasaran untuk menurunkan kadar jenayah sebanyak 5 % setahun melalui program pencegahan jenayah yang telah dilaksanakan di seluruh negara.

Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) dan Balai-balai di seluruh negara memainkan peranan yang penting dalam mengawal jenayah di peringkat daerah masing-masing. 85% daripada keseluruhan kekuatan di daerah akan ditugaskan untuk mengawal jenayah kecuali anggota yang membuat penugasan di bilik pertanyaan, pengawal lokap, pemandu, penjaga stor senjata api dan yang menjalankan tugas khusus yang lain.

Jumlah pengawai penyiasat bergantung kepada kategori daerah berkenaan. Bagi daerah yang besar, lebih banyak pegawai penyiasat akan ditempatkan di daerah berkenaan.

Bagi menjawab soalan (b), Kementerian tidak berhasrat untuk mendedahkan jumlah *informer* dan pemberi maklumat yang dikehendaki kerana termaktub dalam Akta Perlindungan

Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) iaitu tentang perlindungan dan kerahsiaan pemberi maklumat tersebut. Pemberi maklumat dilindungi atas sebab-sebab berikut :-

- i) Keselamatan *informer*/keluarga**
- ii) Keselamatan negara/organisasi**
- iii) *Public trust damage***
- iv) Hubungan diplomatik sekiranya melibatkan *informer* dari luar negara**